

Kertas Statut 100 Tahun 2025

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT STATUT

P.U. (A) 112.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN PERSEKUTUAN RUSIA) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Persekutuan Rusia) 2025**.

Pelepasan cukai dua kali

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Persekutuan Rusia dengan tujuan untuk memberikan pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Rusia (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

[Perenggan 2]

PERJANJIAN

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

DENGAN

KERAJAAN PERSEKUTUAN RUSIA

BAGI PENGHAPUSAN PENCUKAIAN DUA KALI MENGENAI CUKAI ATAS PENDAPATAN DAN PENCEGAHAN PELARIAN DAN PENGELAKAN CUKAI

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

KERAJAAN PERSEKUTUAN RUSIA

Berhasrat untuk terus membina hubungan ekonomi dan meningkatkan kerjasama dalam perkara cukai,

Bertujuan untuk membuat suatu Perjanjian bagi penghapusan pencukaian dua kali mengenai cukai atas pendapatan tanpa mewujudkan peluang untuk tiada pencukaian atau pengurangan cukai melalui pelarian atau pengelakan cukai (termasuk melalui perkiraan *treaty-shopping* yang bermatlamatkan kepada memperoleh pelepasan yang diberikan dalam Perjanjian ini untuk manfaat tidak langsung pemastautin bidang kuasa ketiga),

Telah bersetuju seperti yang berikut:

Perkara 1

ORANG YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang yang merupakan pemastautin di satu atau kedua-dua Negara Pejanji.
2. Bagi maksud Perjanjian ini, pendapatan yang diperoleh oleh atau melalui suatu entiti atau perkiraan yang dikira sebagai telus secara fiskal keseluruhan atau sebahagiannya di bawah undang-undang cukai mana-mana Negara Pejanji hendaklah dianggap sebagai pendapatan pemastautin Negara Pejanji tetapi hanya setakat pendapatan itu dikira, bagi maksud percukaian oleh Negara Pejanji itu, sebagai pendapatan pemastautin Negara Pejanji itu. Tidak sekali-kali dalam apa jua peruntukan perenggan ini ditafsirkan sebagai menjejaskan hak Negara Pejanji untuk mencukai pemastautin Negara Pejanji itu. Bagi maksud perenggan ini, istilah “telus secara fiskal” ertinya situasi di mana, di bawah undang-undang cukai Negara Pejanji itu, pendapatan atau sebahagian pendapatan entiti atau perkiraan dicukai bukan pada tahap entiti atau perkiraan tetapi pada tahap orang yang mempunyai kepentingan di dalam entiti atau perkiraan seolah-olah pendapatan atau sebahagiannya diperoleh secara langsung oleh orang itu pada masa apabila pendapatan atau sebahagiannya direalisasikan tidak kira sama ada pendapatan atau sebahagiannya diagihkan oleh entiti atau perkiraan kepada orang itu.

Perkara 2

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai atas pendapatan yang dikenakan bagi pihak suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya, tanpa mengira cara cukai atas pendapatan itu dilevikan.
2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai atas pendapatan semua cukai yang dikenakan atas jumlah pendapatan, atau atas unsur pendapatan.
3. Cukai yang sedia ada yang Perjanjian ini hendaklah terpakai ialah:
 - (a) dalam hal Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan; dan
 - (ii) cukai pendapatan petroleum
 - (kemudian daripada ini disebut sebagai “cukai Malaysia”);

(b) dalam hal Persekutuan Rusia:

(i) cukai atas keuntungan organisasi; dan

(ii) cukai pendapatan atas individu

(kemudian daripada ini disebut sebagai “cukai Rusia”).

4. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai yang sama atau sebahagian besarnya serupa yang dikenakan oleh mana-mana Negara Pejanji selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau menggantikan, cukai yang sedia ada. Pihak berkuasa berwajib Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain tentang apa-apa perubahan substansial yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian mereka.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

(a) istilah “suatu Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya Malaysia atau Persekutuan Rusia, sebagaimana yang konteksnya menghendaki;

(b) istilah “Malaysia” ertinya wilayah Persekutuan Malaysia, wilayah laut Malaysia dan dasar laut dan subtanah wilayah laut itu, dan ruang udara di atas kawasan itu, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melewati batasan wilayah laut Malaysia, dan dasar laut dan subtanah mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau boleh kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan atau bidang kuasa bagi maksud menjelajah dan mengeksploitasi sumber asli, sama ada hidup atau tidak hidup;

(c) istilah “Rusia” ertinya Persekutuan Rusia apabila digunakan dalam erti kata geografi, ertinya kesemua wilayah Persekutuan Rusia, termasuk perairan pedalaman dan laut wilayah, yang undang-undang Rusia yang berkaitan dengan cukai terpakai, dan juga zon ekonomi eksklusif dan pelantar benuanya, yang Persekutuan Rusia mempunyai hak kedaulatan dan bidang kuasa mengikut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut, 1982;

- (d) istilah “orang” termasuklah seseorang individu, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain;
 - (e) istilah “perusahaan suatu Negara Pejanji” dan “perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi” masing-masing ertinya suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;
 - (f) istilah “syarikat” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau apa-apa entiti yang dikira sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud cukai;
 - (g) istilah “rakyat” ertinya:
 - (i) mana-mana individu yang memiliki kerakyatan atau kewarganegaraan suatu Negara Pejanji; dan
 - (ii) mana-mana orang, perkongsian atau persatuan yang sah di sisi undang-undang yang memperoleh tarafnya sedemikian daripada undang-undang yang berkuat kuasa di suatu Negara Pejanji;
 - (h) istilah “lalu lintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh suatu perusahaan suatu Negara Pejanji, kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat yang terletak di dalam Negara Pejanji yang satu lagi;
 - (i) istilah “pihak berkuasa berwibawa” ertinya:
 - (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa; dan
 - (ii) dalam hal Persekutuan Rusia, Kementerian Kewangan Persekutuan Rusia atau wakilnya yang diberi kuasa.
2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh suatu Negara Pejanji, mana-mana istilah yang tidak ditakrifkan dalam Perjanjian ini hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya pada masa itu di bawah undang-undang Negara Pejanji itu bagi maksud cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai, apa-apa erti di bawah undang-undang cukai yang terpakai bagi Negara Pejanji itu mengatasi erti yang diberikan kepada istilah itu di bawah undang-undang lain Negara Pejanji itu.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin suatu Negara Pejanji” ertinya mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negara Pejanji itu, boleh dikenakan cukai di dalamnya oleh sebab domisilnya, pemastautinannya, tempat pemerbadanannya, tempat pengurusannya atau apa-apa kriteria lain yang serupa jenisnya, dan termasuklah juga Negara Pejanji itu dan mana-mana subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya. Istilah ini, walau bagaimanapun, tidak termasuk mana-mana orang yang dikenakan cukai di Negara Pejanji itu hanya yang berkenaan dengan pendapatan daripada sumber di Negara Pejanji itu.
2. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1 Perkara ini seseorang individu ialah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti yang berikut:
 - (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara Pejanji yang dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya; di kedua-dua Negara Pejanji, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya di Negara Pejanji yang dengannya hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan utama);
 - (b) jika Negara Pejanji yang dia mempunyai pusat kepentingan utamanya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di salah satu Negara Pejanji, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara Pejanji yang dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - (c) jika dia mempunyai atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Pejanji, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara Pejanji yang dia merupakan rakyat;
 - (d) jika dia merupakan rakyat kedua-dua Negara Pejanji atau bukan rakyat mana-mana satu darinya, pihak berkuasa berwajib Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu melalui perjanjian bersama.
3. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1 Perkara ini seseorang selain seorang individu ialah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, pihak berkuasa berwajib Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menentukan melalui persetujuan bersama Negara Pejanji yang orang itu dianggap sebagai pemastautin bagi maksud Perjanjian ini, dengan mengambil kira tempat pengurusan efektifnya, tempat yang ia diperbadankan atau selainnya ditubuhkan dan mana-mana faktor lain yang berkaitan. Sekiranya tidak ada persetujuan itu, orang itu tidak berhak bagi apa-apa pelepasan atau pengecualian daripada cukai yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini kecuali setakat dan dalam apa-apa cara yang boleh dipersetujui oleh pihak berkuasa berwajib Negara-Negara Pejanji.

Perkara 5**ESTABLISMEN TETAP**

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “establismen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan sesuatu perusahaan dijalankan secara keseluruhan atau sebahagiannya.
2. Istilah “establismen tetap” termasuklah khususnya:
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;
 - (c) suatu pejabat;
 - (d) suatu kilang;
 - (e) suatu bengkel; dan
 - (f) suatu lombong, telaga minyak atau gas, suatu kuari atau mana-mana tempat pengeluaran sumber asli yang lain.
3. Suatu tapak bangunan, suatu pembinaan, projek pemasangan atau pepasangan menjadi suatu establismen tetap hanya jika ia kekal lebih daripada dua belas bulan.
4. Suatu perusahaan bagi suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan mempunyai suatu establishmen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika perusahaan itu menjalankan aktiviti penyeliaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang berkaitan dengan suatu tapak bangunan atau suatu pembinaan, projek pemasangan atau pepasangan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
5. Walau apa pun peruntukan yang terdahulu Perkara ini istilah “establismen tetap” hendaklah disifatkan tidak termasuk:
 - (a) penggunaan kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan barangan atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;
 - (b) penyelenggaraan suatu stok barangan atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
 - (c) penyelenggaraan suatu stok barangan atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud pemprosesan oleh perusahaan yang lain;

- (d) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pembelian barangan atau dagangan, atau bagi maksud pengumpulan maklumat, bagi perusahaan itu;
- (e) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud menjalankan, bagi perusahaan itu, apa-apa aktiviti lain; dan
- (f) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi mana-mana gabungan aktiviti yang disebut dalam subperenggan (a) hingga (e) perenggan ini,

dengan syarat bahawa aktiviti sedemikian atau, dalam hal subperenggan (f) perenggan ini, aktiviti keseluruhan tempat perniagaan yang tetap itu, adalah bersifat persediaan atau tambahan.

6. Perenggan 5 Perkara ini tidak terpakai bagi suatu tempat perniagaan yang tetap yang digunakan atau diselenggara oleh suatu perusahaan jika perusahaan yang sama atau suatu perusahaan yang berkait rapat menjalankan aktiviti perniagaan di tempat yang sama atau di tempat lain dalam Negara Pejanji yang sama dan:

- (a) tempat itu atau tempat lain yang membentuk suatu establismen tetap bagi perusahaan itu atau perusahaan yang berkait rapat di bawah peruntukan Perkara ini; atau
- (b) aktiviti keseluruhan yang terhasil daripada gabungan aktiviti yang dijalankan oleh dua perusahaan di tempat yang sama, atau oleh perusahaan yang sama itu atau perusahaan yang berkait rapat di dua tempat, adalah bukan bersifat persediaan atau tambahan,

dengan syarat bahawa aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh dua perusahaan itu di tempat yang sama, atau oleh perusahaan yang sama itu atau perusahaan yang berkait rapat di dua tempat itu, menjadi fungsi pelengkap yang merupakan sebahagian daripada operasi perniagaan yang padu.

7. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tetapi tertakluk pada peruntukan perenggan 8 Perkara ini, jika seseorang bertindak di suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu perusahaan, perusahaan itu hendaklah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh orang itu bagi perusahaan itu, jika orang itu:

- (a) lazimnya menyempurnakan kontrak, atau lazimnya memainkan peranan utama yang membawa kepada penyempurnaan kontrak yang:

- (i) atas nama perusahaan itu; atau

(ii) bagi pemindahan pemilikan, atau bagi pemberian hak untuk menggunakan, harta yang dimiliki oleh perusahaan itu atau yang perusahaan itu mempunyai hak untuk menggunakan; atau

(iii) bagi penyediaan perkhidmatan oleh perusahaan itu,

melainkan jika aktiviti orang itu terhad kepada aktiviti yang disebut dalam perenggan 4 Perkara ini yang, jika dijalankan di tempat perniagaan yang tetap, tidak akan menjadikan tempat perniagaan tetap ini suatu establismen tetap di bawah peruntukan perenggan itu; atau

(b) tidak secara lazimnya menyempurnakan kontrak atau tidak memainkan peranan utama yang membawa kepada penyempurnaan kontrak itu, tetapi lazimnya mengekalkan di Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu stok barangan atau dagangan kepunyaan perusahaan yang daripadanya dia secara tetap memenuhi tempahan bagi pihak perusahaan itu.

8. Perenggan 6 Perkara ini tidak terpakai jika orang yang bertindak di suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu sebagai ejen bebas dan bertindak bagi pihak perusahaan itu dalam penjalanan biasa perniagaan itu. Jika, walau bagaimanapun, seseorang bertindak secara eksklusif atau hampir eksklusif bagi pihak satu atau lebih perusahaan yang kepadanya ia berkait rapat, dia tidak akan dianggap sebagai ejen bebas dalam erti perenggan ini berkaitan dengan mana-mana perusahaan sedemikian.
9. Bagi maksud Perkara ini, seseorang atau suatu perusahaan adalah berkait rapat dengan suatu perusahaan jika, berdasarkan semua fakta dan hal keadaan yang berkaitan, orang itu mempunyai kawalan ke atas yang satu lagi atau kedua-duanya berada di bawah kawalan orang atau perusahaan yang sama. Dalam apa-apa jua hal, seseorang atau perusahaan hendaklah dianggap sebagai berkait rapat dengan suatu perusahaan jika orang itu memiliki secara langsung atau tidak langsung lebih daripada 50 peratus kepentingan benefisial dalam perusahaan yang satu lagi itu (atau, dalam hal suatu syarikat, lebih daripada 50 peratus undi agregat dan nilai syer syarikat atau kepentingan ekuiti benefisial dalam syarikat itu) atau jika orang atau perusahaan lain memiliki secara langsung atau secara tidak langsung lebih daripada 50 peratus kepentingan benefisial (atau, dalam hal suatu syarikat, lebih daripada 50 peratus undi agregat dan nilai syer syarikat atau kepentingan ekuiti benefisial dalam syarikat itu) dalam orang itu dan perusahaan itu atau dalam kedua-dua perusahaan itu.
10. Hakikat bahawa sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya), tidaklah dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establismen tetap syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih (termasuk pendapatan daripada pertanian atau perhutanan) yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Istilah “harta tak alih” hendaklah mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Pejanji yang harta itu terletak. Istilah itu hendaklah dalam apa-apa hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak yang baginya peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai, usufruk harta tak alih dan hak kepada pembayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, mendapan mineral, sumber dan sumber asli yang lain; kapal, dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.
3. Peruntukan perenggan 1 Perkara ini hendaklah terpakai juga bagi pendapatan yang diperoleh daripada penggunaan langsung, penyewaan atau penggunaan dalam apa-apa bentuk lain harta tak alih.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 3 Perkara ini hendaklah terpakai juga bagi pendapatan daripada harta tak alih suatu perusahaan dan bagi pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan persendirian bebas.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan suatu perusahaan suatu Negara Pejanji hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan sebagaimana yang disebut terdahulu, keuntungan perusahaan itu boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi tetapi hanya sebanyak yang ia boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.
2. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 3 Perkara ini, jika suatu perusahaan Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah di setiap Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang mungkin dijangkakan dapat dibuat olehnya jika perusahaan itu ialah suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan yang berurusan dengan bebas sepenuhnya dengan perusahaan yang baginya ia merupakan establismen tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan sesuatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud perniagaan establismen tetap itu, termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am yang dilakukan sedemikian, sama ada di Negara Pejanji yang establismen tetap itu terletak atau di tempat lain.
4. Jika maklumat yang tersedia bagi pihak berkuasa berwibawa tidak mencukupi untuk menentukan keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap sesuatu perusahaan, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang Negara Pejanji itu yang berhubungan dengan penentuan tanggungan liabiliti cukai seseorang dengan menggunakan budi bicara atau membuat suatu anggaran oleh pihak berkuasa berwibawa, dengan syarat bahawa undang-undang itu hendaklah terpakai, setakat yang maklumat yang tersedia bagi pihak berkuasa berwibawa itu membenarkan, mengikut prinsip Perkara ini.
5. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan sesuatu establismen tetap atas sebab semata-mata pembelian barangan atau dagangan oleh establismen tetap itu bagi perusahaan itu.
6. Bagi maksud perenggan yang terdahulu Perkara ini, keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap itu hendaklah ditentukan melalui kaedah yang sama dari tahun ke tahun melainkan jika terdapat sebab yang baik dan mencukupi untuk melakukan sebaliknya.
7. Jika keuntungan termasuk butiran pendapatan yang diperkatakan secara berasingan dalam Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan Perkara itu tidaklah terjejas oleh peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan sesuatu perusahaan Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu.
2. Bagi maksud Perkara ini, istilah “keuntungan daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa” hendaklah termasuk keuntungan daripada penyewaan kapal atau pesawat udara berasaskan kapal kosong dan penggunaan atau penyewaan kontena dan peralatan lain yang berkaitan sekiranya aktiviti sedemikian yang bersampingan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa.
3. Perenggan 1 Perkara ini hendaklah juga terpakai bagi perkongsian keuntungan daripada pengendalian kapal atau pesawat udara yang diperoleh oleh perusahaan suatu Negara Pejanji melalui penyertaan dalam suatu kumpulan, perniagaan bersama atau agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9**PERUSAHAAN BERSEKUTU****1. Jika:**

- (a) suatu perusahaan Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi; atau
- (b) orang yang sama menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu perusahaan Negara Pejanji dan suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam mana-mana satu hal syarat-syarat dibuat atau dikenakan antara kedua-dua perusahaan dalam hubungan komersial atau kewangan mereka yang berlainan daripada yang akan dibuat antara perusahaan bebas, maka apa-apa keuntungan yang, jika tidak kerana syarat-syarat itu, sepatutnya telah terakru kepada salah satu perusahaan itu, tetapi, disebabkan oleh syarat-syarat itu, telah tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dikenakan cukai dengan sewajarnya.

- 2. Jika suatu Negara Pejanji memasukkan dalam keuntungan suatu perusahaan Negara Pejanji itu — dan mengenakan cukai dengan sewajarnya — keuntungan yang atasnya suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan keuntungan yang dimasukkan sedemikian itu ialah keuntungan yang sepatutnya telah terakru kepada perusahaan Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu jika syarat-syarat yang dibuat antara kedua-dua perusahaan itu merupakan syarat-syarat yang akan dibuat antara kedua-dua perusahaan bebas, maka Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah membuat suatu pelarasan yang sesuai kepada jumlah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan itu jika Negara Pejanji yang satu lagi itu menganggap pelarasan itu wajar. Dalam menentukan pelarasan sedemikian, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak berkuasa berwajib Negara Pejanji hendaklah, jika perlu, berunding antara satu sama lain.
- 3. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 Perkara ini, Negara Pejanji tidak boleh mengubah keuntungan suatu perusahaan Negara Pejanji itu dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan itu selepas 7 tahun dari akhir tahun yang boleh dicukai yang keuntungan itu akan tertakluk pada perubahan tersebut akan, jika tidak kerana syarat-syarat yang disebut dalam perenggan itu, terakru kepada perusahaan itu. Peruntukan perenggan ini tidak terpakai dalam hal penipuan atau keingkaran secara sengaja.

Perkara 10**DIVIDEN**

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, dividen itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang syarikat yang membayar dividen itu merupakan pemastautin dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemunya benefisial dividen itu merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi:
 - (a) 10 peratus daripada jumlah kasar dividen itu jika pemunya benefisial itu memegang secara langsung sekurang-kurangnya 25 peratus daripada modal syarikat yang membayar dividen itu bagi tempoh 365 hari yang berakhir pada tarikh yang kelayakan untuk dividen itu ditentukan;
 - (b) 15 peratus daripada jumlah kasar dividen dalam semua hal lain.

Perenggan ini tidaklah menjejaskan pencukaian syarikat itu berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen itu dibayar.

3. Walau apa pun peruntukan perenggan 2 Perkara ini, dividen yang terbit di Negara Pejanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji ini dengan syarat ia dibayar kepada:
 - (a) dalam hal Malaysia:
 - (i) Kerajaan Negeri;
 - (ii) Bank Negara Malaysia;
 - (iii) pihak berkuasa tempatan;
 - (iv) badan berkanun;
 - (v) Bank Eksport-Import Malaysia Berhad (Bank EXIM); dan
 - (vi) mana-mana institusi lain yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak berkuasa berwajib Negara Pejanji itu;
 - (b) dalam hal Persekutuan Rusia:
 - (i) Kerajaan Persekutuan Rusia;
 - (ii) Central Bank of the Russian Federation;
 - (iii) Pension and Social Insurance Fund of the Russian Federation;

- (iv) Russian Direct Investment Fund;
 - (v) State Development Corporation «VEB.RF»;
 - (vi) State Corporation for Assistance to Development, Production and Export of Advanced Technology Industrial Product “Rostec”;
 - (vii) JSC “ROSNANO”;
 - (viii) State Atomic Energy Corporation “Rosatom”;
 - (ix) State Space Corporation “Roscosmos”; dan
 - (x) mana-mana institusi lain yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji itu.
4. Istilah “dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer, atau hak lain, yang bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan, dan juga pendapatan daripada hak perbadanan yang lain yang tertakluk pada layanan pencukaian yang sama sebagaimana pendapatan daripada syer oleh undang-undang Negara Pejanji yang baginya syarikat yang membuat pengagihan itu merupakan pemastautin.
5. Peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini tidaklah terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang baginya syarikat yang membayar dividen itu merupakan pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15 Perjanjian ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
6. Jika suatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, maka Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat dividen yang dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu atau setakat pemegangan berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau tidak boleh menjadikan keuntungan tidak diagihkan syarikat itu tertakluk pada cukai atas keuntungan yang tidak diagihkan syarikat itu, walaupun jika dividen itu dibayar atau keuntungan yang tidak diagihkan itu terdiri keseluruhannya atau sebahagiannya daripada keuntungan atau pendapatan yang terbit di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

Perkara 11**FAEDAH**

1. Faedah yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, faedah itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang faedah itu terbit dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemunya benefisial faedah itu merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus daripada jumlah kasar faedah itu.
3. Walau apa pun peruntukan perenggan 2 Perkara ini, Kerajaan suatu Negara Pejanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji yang satu lagi berkenaan dengan faedah yang diperoleh oleh Kerajaan itu daripada Negara Pejanji yang satu lagi itu.
4. Bagi maksud perenggan 3 Perkara ini, istilah “Kerajaan”:
 - (a) dalam hal Malaysia ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk:
 - (i) Kerajaan Negeri;
 - (ii) Bank Negara Malaysia;
 - (iii) pihak berkuasa tempatan;
 - (iv) badan berkanun;
 - (v) Bank Eksport-Import Malaysia Berhad (Bank EXIM); dan
 - (vi) mana-mana institusi lain yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji itu;
 - (b) dalam hal Persekutuan Rusia ertinya Kerajaan Persekutuan Rusia dan hendaklah termasuk:
 - (i) Kerajaan Persekutuan Rusia;
 - (ii) Central Bank of the Russia Federation;
 - (iii) Pension and Social Insurance Fund of the Russian Federation;
 - (iv) Russian Direct Investment Fund;
 - (v) State Development Corporation «VEB.RF»;
 - (vi) State Corporation for Assistance to Development, Production and Export of Advanced Technology Industrial Product “Rostec”;

- (vii) JSC “ROSNANO”;
 - (viii) State Atomic Energy Corporation “Rosatom”;
 - (ix) State Space Corporation “Roscosmos”; dan
 - (x) mana-mana institusi lain yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji itu.
5. Istilah “faedah” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada semua jenis tuntutan hutang, sama ada dicagarkan melalui gadai janji atau tidak dan sama ada mempunyai hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti kerajaan, pendapatan daripada bon atau debentur, termasuk premium dan hadiah yang disertakan pada sekuriti, bon atau debentur itu. Caj penalti bagi pembayaran lewat tidak boleh dianggap sebagai faedah bagi maksud Perkara ini.
 6. Peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini tidak terpakai jika pemunya benefisial faedah itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang faedah itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya faedah itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15 Perjanjian ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
 7. Faedah hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji apabila pembayarannya ialah Negara Pejanji itu sendiri, atau subbahagian politik, atau pihak berkuasa tempatan, atau suatu badan berkanunnya, atau pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar faedah itu, sama ada dia merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengan keberhutangan yang ke atasnya faedah itu dibayar telah dilakukan, dan faedah itu ditanggung oleh establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, maka faedah itu hendaklah disifatkan terbit di Negara Pejanji yang establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu terletak.
 8. Jika, disebabkan oleh suatu hubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-duanya dengan mana-mana orang lain, amaun faedah itu, dengan mengambil kira tuntutan hutang yang kerananya faedah itu dibayar, melebihi amaun yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tiada hubungan yang sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian lebihan bayaran itu tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12**ROYALTI**

1. Royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang royalti itu terbit dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemunya benefisial royalti itu ialah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus daripada jumlah kasar royalti itu.
3. Istilah “royalti” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi atau yang diperoleh daripada—
 - (a) penggunaan, atau hak untuk menggunakan,
 - (i) apa-apa hak cipta, perisian, paten, reka bentuk atau model, pelan, proses atau formula rahsia, cap dagangan atau harta atau hak lain yang serupa;
 - (ii) pita bagi penyiaran radio atau televisyen, filem wayang gambar, filem, atau pita video atau cara lain bagi penyalinan semula;
 - (iii) kepandaian atau maklumat berkenaan dengan teknikal, perindustrian, pengetahuan komersial atau saintifik, pengalaman atau kemahiran;
 - (iv) kelengkapan perindustrian, komersial atau saintifik (termasuk kapal, pesawat udara dan kontena kecuali pembayaran yang diliputi oleh Perkara 8 Perjanjian ini);
 - (v) imej visual atau bunyi, atau kedua-duanya, yang berkaitan dengan penyiaran televisyen, dihantar melalui—
 - (A) satelit; atau
 - (B) kabel, gentian optik atau teknologi yang serupa;
 - (vi) sebahagian atau keseluruhan bahagian spektrum frekuensi radio yang dinyatakan dalam lesen yang berkaitan;
 - (b) penerimaan, atau hak untuk menerima, imej visual atau bunyi, atau kedua-duanya, dipancarkan kepada orang awam melalui—
 - (A) satelit; atau
 - (B) kabel, gentian optik atau teknologi yang serupa;

(c) keseluruhan atau sebahagian penahanan berkenaan dengan—

- (i) penggunaan, atau pemberian hak untuk menggunakan apa-apa harta atau hak sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (a)(i) atau (ii) perenggan ini atau apa-apa pengetahuan, pengalaman atau kemahiran sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (a)(iii) perenggan ini;
 - (ii) penerimaan, atau pemberian hak untuk menerima, apa-apa imej visual atau bunyi sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (b) perenggan ini;
 - (iii) penggunaan, atau pemberian hak untuk menggunakan, apa-apa imej visual atau bunyi sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (a)(v) perenggan ini; atau
 - (iv) penggunaan, atau pemberian hak untuk menggunakan, beberapa atau apa-apa bahagian spektrum yang dinyatakan dalam lesen spektrum sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (a)(vi) perenggan ini.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidaklah terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang royalti itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15 Perjanjian ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
5. Royalti hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara Pejanji itu sendiri, atau suatu subbahagian politik, atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan terbit di Negara Pejanji yang establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu terletak.
6. Jika, disebabkan oleh suatu hubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-duanya dengan mana-mana orang lain, amaun royalti itu, dengan mengambil kira penggunaan, hak atau maklumat yang baginya royalti itu dibayar, melebihi amaun yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada hubungan sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian lebihan bayaran itu tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 13**FI BAGI PERKHIDMATAN TEKNIKAL**

1. Fi bagi perkhidmatan teknikal yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, fi bagi perkhidmatan teknikal itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji itu yang fi bagi perkhidmatan teknikal itu terbit dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemunya benefisial fi bagi perkhidmatan teknikal itu ialah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus daripada jumlah kasar fi bagi perkhidmatan teknikal itu.
3. Istilah “fi bagi perkhidmatan teknikal” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran kepada mana-mana orang, selain pekerja orang yang membuat pembayaran itu, sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang bersifat teknikal, pengurusan atau khidmat rundingan.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidak terpakai jika pemunya benefisial fi bagi perkhidmatan teknikal itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang fi bagi perkhidmatan teknikal itu terbit melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas, dan fi bagi perkhidmatan teknikal itu adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau perkhidmatan itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15 Perjanjian ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
5. Fi bagi perkhidmatan teknikal hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji apabila pembayarannya ialah Negara Pejanji itu sendiri, atau suatu subbahagian politik, atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar fi bagi perkhidmatan teknikal itu, sama ada dia merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar fi bagi perkhidmatan teknikal itu telah dilakukan, dan fi bagi perkhidmatan teknikal sedemikian ditanggung oleh establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, maka fi bagi perkhidmatan teknikal itu hendaklah disifatkan terbit di Negara Pejanji yang di dalamnya establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu terletak.

6. Jika, disebabkan oleh suatu hubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial fi bagi perkhidmatan teknikal atau antara kedua-duanya dengan mana-mana orang lain, amaun fi bagi perkhidmatan teknikal yang dibayar, bagi apa-apa jua pun sebab, melebihi amaun yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada hubungan sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian lebihan bayaran itu tetap boleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 14

LABA DARIPADA PEMBERIAN HAKMILIK HARTA

1. Laba yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian hakmilik harta tak alih yang disebut dalam Perkara 6 Perjanjian ini dan terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Laba yang diperoleh daripada pemberian hakmilik harta alih yang menjadi sebahagian daripada suatu establismen tetap yang dipunyai oleh perusahaan suatu Negara Pejanji di dalam Negara Pejanji yang satu lagi, atau harta alih yang berkenaan dengan suatu pusat kegiatan tetap yang tersedia bagi pemastautin suatu Negara Pejanji di dalam Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud menjalankan perkhidmatan persendirian bebas, termasuk apa-apa laba daripada pemberian hakmilik establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
3. Laba yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian hakmilik kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian sedemikian hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang pemberi hakmilik itu merupakan pemastautin.
4. Laba yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian hakmilik syer dalam suatu syarikat atau kepentingan yang setanding, seperti kepentingan dalam perkongsian, amanah atau dana pelaburan, boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi jika, pada bila-bila masa sepanjang 365 hari sebelum pemberian hakmilik, syer atau kepentingan setanding ini diperoleh sekurang-kurangnya 50 peratus daripada nilainya secara langsung atau tidak langsung daripada harta tak alih, seperti yang ditakrifkan dalam Perkara 6 Perjanjian ini, yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, melainkan jika syer atau kepentingan setanding itu didagangkan pada bursa saham yang diiktiraf dan pemastautin dan orang yang berkaitan dengan pemastautin itu memiliki agregat 5 peratus atau kurang daripada kelas syer itu atau kepentingan setanding.

Istilah “bursa saham yang diiktiraf” bermaksud:

- (a) mana-mana bursa saham yang ditubuhkan dan dikawal selia di bawah undang-undang mana-mana Negara Pejanji; dan
 - (b) mana-mana bursa saham lain yang dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji.
5. Laba daripada pemberian hakmilik apa-apa harta selain yang disebut dalam perenggan 1, 2, 3 dan 4 Perkara ini hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang pemberi hakmilik itu ialah pemastautin.

Perkara 15

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN BEBAS

1. Tertakluk pada peruntukan Perkara 13 Perjanjian ini, pendapatan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti lain yang bersifat bebas hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu kecuali dalam hal keadaan yang berikut, yang pendapatan itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi:
 - (a) jika dia mempunyai suatu pusat kegiatan tetap yang biasanya tersedia baginya di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi maksud menjalankan aktivitinya; dalam hal itu, hanya sekian banyak pendapatan itu yang boleh dikaitkan dengan pusat kegiatan tetap itu boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu; atau
 - (b) jika dia tinggal di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah atau agregatnya melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang bermula atau berakhir dalam tahun fiskal yang berkenaan; dalam hal itu, hanya sekian banyak pendapatan yang diperoleh daripada aktivitinya yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Istilah “perkhidmatan profesional” termasuklah khususnya aktiviti saintifik, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran yang bebas dan juga aktiviti bebas doktor perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor pergigian dan akauntan.

Perkara 16**PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN TIDAK BEBAS**

1. Tertakluk pada peruntukan Perkara 17, 19, 20 dan 21 Perjanjian ini, gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan suatu pekerjaan hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu melainkan jika pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan sedemikian, apa-apa saraan yang diperoleh daripada pekerjaan itu boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 Perkara ini, saraan yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu jika:
 - (a) penerima itu berada di Negara Pejanji yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan; dan
 - (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seorang majikan yang bukannya pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu; dan
 - (c) saraan itu tidak ditanggung oleh suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang dipunyai oleh majikan itu di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
3. Walau apa pun peruntukan yang terdahulu Perkara ini, saraan yang diperoleh berkenaan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang baginya keuntungan perusahaan boleh dikenakan cukai mengikut Perkara 8 Perjanjian ini.

Perkara 17**FI PENGARAH DAN SARAAN PEGAWAI PENGURUSAN ATASAN**

1. Fi pengarah dan bayaran seumpamanya yang lain yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai seorang anggota lembaga pengarah suatu syarikat yang merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Gaji, upah dan saraan lain yang seumpamanya yang diperoleh oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai seorang pegawai dalam kedudukan peringkat pengurusan atasan suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
